

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 17/11/2017  
**Edisi / Muka Surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## **Kamarudin Terpilih Anggota Lembaga Pengarah ICA**

PETALING JAYA, 17 Nov (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mencipta satu lagi sejarah di peringkat antarabangsa hari ini apabila naib presidennya Datuk Kamarudin Ismail dipilih sebagai Anggota Lembaga Pengarah Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA).

Kamarudin memperoleh 461 undi daripada keseluruhan 691 undi, menyaksikan beliau berada di kedudukan kelapan daripada 22 calon.

Mengulas mengenai pencapaian itu, Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata kejayaan Kamarudin itu menandakan hari 'bersejarah' untuk Angkasa.

"Kemenangan Datuk Kamarudin itu akan membawa Angkasa ke platform antarabangsa dan membolehkan kita memberi pandangan mengenai pembangunan koperasi di peringkat global," katanya kepada pemberita selepas Persidangan Global dan Perhimpunan Agung ICA 2017, di sini hari ini.

Ia adalah tahun ketiga berturut-turut calon Angkasa terpilih sebagai anggota lembaga pengarah ICA selepas bekas naib presidennya, Prof Madya Datuk Mohamad Ali Hasan menang jawatan itu pada 2015, dan diikuti Abdul Fattah pada 2016.

Ketika ditemui pemberita, Kamarudin berkata salah satu faktor menyumbang kepada kemenangannya itu adalah kejayaan Angkasa dalam memperjuangkan pembangunan koperasi di sekolah.

"Kita percaya bahawa kemampuan sesebuah organisasi mesti bermula dari sekolah, kita mahu pembangunan koperasi kita pada masa depan mempunyai pengetahuan," katanya.

Persidangan itu yang bermula 14 hingga 17 Nov, bertemakan 'Koperasi Memartabatkan Masyarakat Dalam Arus Pembangunan', menghimpunkan 926 perwakilan koperasi dari 100 negara.

Terdahulu, calon dari Argentina Ariel Guarco dipilih sebagai Presiden ICA bagi menggantikan Monique Leroux dari Kanada, untuk tempoh empat tahun akan datang.

Diasaskan pada 1895, ICA adalah organisasi induk bagi koperasi di seluruh dunia, yang mewakili 284 koperasi dari 95 negara.

-- BERNAMA